

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 16 APRIL 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	50 PETANI MANGSA BANJIR TERIMA BAJA, SENTRAL, BH -62	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
2. 3.	109 OUTLET JUAL HARUMANIS, NEGARA, KOSMO -13 HARUMANIS AKAN DIPASARKAN DI 109 OUTLET – KETUA PENGARAH FAMA, ASTRO AWANI -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
4. 5.	KADA SEDIA BEKAL 15 PAM MUDAH ALIH, BERITA, BERITA HARIAN (UTARA) -63 BEKAL 15 PAM HADAPI KEMARAU, NEWS, HM -35	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
6. 7. 8.	AGRICULTURE MINISTER PLANS TO BUILD MORE MARKET FOR FISHERMEN, NATION, SIN CHEW DAILY -9 PLANS TO INCREASE FISH MARKETS, NEWS, CHINA PRESS (EAST COAST) -C3 PPABT BERJAYA HASILKAN LEBIH 2.5 JUTA BENIH IKAN AIR TAWAR, SETEMPAT, HM -32	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
9. 10. 11.	TAMAN PERTANIAN BERKONSEPKAN PELANCONGAN AGRO BAKAL JADI TARIKAN, SETEMPAT, HM -32 LEMBU DIHANTAR KE PUSAT TAHANAN, HULU SELANGOR, SH -34 SKIM BIO BANTU USAHAWAN KOSMETIK, NEGERI, HAKAKAH -N12	LAIN - LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



[FOTO SAMADI AHMAD/BH]

Baja yang diterima kira-kira 50 petani yang mengalami kerugian akibat tanaman rosak selepas dilanda banjir kilat.



Bantuan ini dapat mengurangkan kos ditanggung petani kerana jika dibeli sendiri, ia memerlukan perbelanjaan tinggi dan kami tidak mampu berikutan tanaman habis musnah sebelum dapat mengeluarkan hasil"

Zulkarnain Abdul Hamid,
Petani

50 petani mangsa banjir terima baja

➔ Bantuan kurangkan beban berikutan tanaman habis musnah

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@nstp.com.my

► Sepang

Seramai 50 petani di Kampung Olak Lempit, dekat sini, yang dilanda banjir kilat pada akhir tahun lalu, bersyukur serta berterima kasih menerima bantuan baja percuma daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Petani, Zulkarnain Abdul Hamid, 58, berkata bantuan itu meringankan beban mereka selepas mengalami kerugian besar akibat banjir kilat yang memusnahkan tanaman.

Beliau berkata, sebelum ini mereka berputus asa kerana banyak

permohonan untuk mendapatkan bantuan didakwa tidak mendapat layanan dan perhatian pihak bertanggungjawab.

"Kami turut berterima kasih kepada Pejabat Pertanian Daerah Kuala Langat atas keprihatinan mereka berusaha mendapatkan bantuan baja ini.

"Bantuan ini dapat mengurangkan kos ditanggung petani kerana jika dibeli sendiri, ia memerlukan perbelanjaan tinggi dan kami tidak mampu berikutan tanaman habis musnah sebelum dapat mengeluarkan hasil," katanya kepada BH.

Sebanyak 60 kampak baja masing-masing seberat 50 kilogram (kg) disampaikan oleh pegawai Pejabat Pertanian, Daerah Kuala Langat, Saadon Itam, kepada petani ter-

babit, baru-baru ini.

Banjir kilat sedalam 0.5 meter melanda lokasi terbabit selama empat hari pada akhir tahun lalu, didakwa berpunca daripada limpahan air akibat kegiatan perlombongan pasir di kawasan berhampiran yang tidak dapat mengalir ke Sungai Langat, memusnahkan tanaman kontan petani.

Rugi kira-kira RM120,000

Kejadian itu mengakibatkan kerugian kira-kira RM120,000 apabila tanaman kontan petani seperti ubi kayu, keledek, pisang, nenas dan serai, musnah sebelum dapat dituai.

Petani wanita, Norsuzila Ahmad, 45, turut berterima kasih kepada pihak kementerian kerana menyera-

hkan bantuan baja atas keprihatinan terhadap kesusahan mereka menghadapi kekangan kewangan selepas tanaman musnah dilanda banjir.

Beliau berkata, rata-rata petani bersyukur dan berharap ada bantuan lain menyusul, terutama daripada wakil rakyat kawasan itu.

"Petani bergantung kepada sumber tanaman kontan seperti ini yang diusahakan sejak berpuh tahun lalu bagi menyara keluarga.

"Namun, banjir kilat dengan sekelip mata memusnahkan kegemilangan kami mahu menyambut Ramadan tidak lama lagi," katanya yang mengalami kerugian besar apabila tanaman keledek, keladi dan ubi kemili diusahakan musnah.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2019	KOSMO	NEGARA	13

109 outlet jual harumanis

KANGAR - Mempelam atau mangga harumanis akan dipasarkan di 109 outlet di seluruh negara termasuk Singapura yang merupakan pasaran besar ikon Perlis itu bagi mengelak lambakan semasa Ramadan.

Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Datuk Ahmad Ishak berkata, keadaan dijangka kritikal pada minggu kedua dan ketiga Ramadan berikutan hasil pengeluaran yang banyak dan boleh menjejaskan harga pasaran.

"Bagi mengatasi masalah itu, FAMA merancang strategi pemasaran termasuk memperkenalkan 21 produk 'Perlis Signature' berasaskan mempelam," katanya di sini semalam.

Menurutnya, hanya 770 hektar daripada 1,191 hektar ladang harumanis di Perlis mengeluarkan 1,800 metrik tan bagi musim ini bermula minggu keempat April ini sehingga Jun hadapan.

Katanya, FAMA akan memastikan pengusaha ladang harumanis mematuhi piawaian pengeluaran supaya kualiti harumanis terjamin dan sesuai dengan harganya yang tinggi berbanding mempelam jenis lain yang berada dalam pasaran.

"FAMA menetapkan harga lantai RM15 bagi gred premium, gred A RM13 dan gred B RM13 sekilogram manakala Perlis Sunshine RM3.30 sekilogram," katanya.



AHMAD

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2019	ASTRO AWANI	ONLINE	

Harumanis akan dipasarkan di 109 outlet - Ketua Pengarah FAMA



Katanya FAMA akan memastikan pengusaha ladang Harumanis mematuhi piawaian pengeluaran supaya kualiti Harumanis terjamin. - Gambar fail **KANGAR**: Mempelam atau mangga Harumanis akan dipasarkan di 109 outlet di seluruh negara termasuk Singapura yang merupakan pasaran besar ikon Perlis itu bagi mengelak lambakan semasa Ramadan, kata Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Ketua Pengarahnya, Datuk Ahmad Ishak berkata keadaan dijangka kritikal pada minggu kedua dan ketiga Ramadan berikutan hasil pengeluaran yang banyak dan boleh menjejaskan harga pasaran.

Katanya bagi mengatasi masalah itu, FAMA merancang strategi pemasaran termasuk memperkenalkan 21 produk 'Perlis Singanture' berasaskan

mempelam.

"Strategi ini antaranya menggunakan media sosial untuk memperkenalkan Harumanis, meningkatkan penguatkuasaan peraturan dan mempamerkan tulisan nama mangga yang betul oleh penjual bagi mencegah penipuan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas menyaksikan majlis menandatangani kontrak Jual Beli Mangga Perlis Sunshine, Harumanis dan Buah-Buahan Bermusim antara FAMA dan pengusaha projek peringkat negeri di sini pada Isnin.

Turut hadir Setiausaha Kerajaan Perlis Azman Mohd Yusof.

Menurut Ahmad, ladang harumanis di Perlis adalah seluas 1,191 hektar namun hanya 770 hektar yang mengeluarkan 1,800 metrik tan bagi musim ini bermula minggu keempat April ini sehingga Jun hadapan.

Katanya FAMA akan memastikan pengusaha ladang Harumanis mematuhi piawaian pengeluaran supaya kualiti Harumanis terjamin dan sesuai dengan harganya yang tinggi berbanding mempelam jenis lain yang berada dalam pasaran.

FAMA menetapkan harga lantai RM15 bagi gred premium, gred A RM13 dan gred B RM13 sekilogram manakala Perlis Sunshine RM3.30 sekilogram, kata Ahmad.

Beliau berkata agensi itu akan menganjurkan karnival promosi Harumanis sebagai juadah berbuka puasa di Medan MARA Kuala Lumpur yang dilalui kira-kira 30,000 orang dalam sehari, dari 1 hingga 3 Mei ini.

Headline	KADA sedia bekal 15 pam mudah alih		
MediaTitle	Berita Harian (Utara)		
Date	16 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Berita	Circulation	2,802
Page No	63	Readership	8,406
Language	Malay	ArticleSize	306 cm ²
Journalist	Mohd Zulkifli Zainuddin	AdValue	RM 7,040
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,120



MUSIM KEMARAU

KADA sedia bekal 15 pam mudah alih

➔ Cadangan babitkan kos RM12j dikemukakan kepada menteri bantu pesawah

Oleh Mohd Zulkifli Zainuddin
mohd.zulkifli@nstp.com.my

► Kota Bharu

Sebanyak 15 pam mudah alih berkuasa tinggi bernilai RM12 juta akan dibekalkan

Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) bagi membantu petani yang mengalami masalah kerosakan tanaman padi akibat musim kemarau.

Pengerusinya, Datuk Husam Musa, berkata cadangan itu akan dikemukakan kepada Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Saifuddin Ayub, pada mesyuarat yang dijadualkan hari ini bagi mendapatkan kelulusan dan peruntukan segera.

Penyelesaian paling segera

Katanya, pam itu yang akan dibekalkan, termasuk di Kemubu di sini, bagi menyalurkan air kepada pesawah di Kota Bharu Selatan, Kota Bharu Utara, Pasir Puteh dan Bachok.



Disebabkan musim ini hanya tinggal dua bulan, jadi kaedah ini dapat digunakan pada musim tanaman kedua tahun ini.”

Husam Musa,
Pengerusi KADA

“Kesan pam mudah alih ini akan mengambil masa dalam tempoh enam hingga lapan bulan, bukan dengan kadar segera. Namun, ini adalah penyelesaian paling segera yang mampu kami lakukan.

“Disebabkan musim ini hanya tinggal dua bulan, jadi kaedah ini dapat digunakan pada musim tanaman kedua tahun ini.

“Bagi pesawah di Tumpat dan Pasir Mas, mereka dibekalkan air dari pam di Mekasar dan pam Batu Hampat, Tumpat,” katanya selepas Majlis Pembahagian Hasil dan Zakat Ladang Merdeka Mulong Musim 1/2018, di sini, semalam.

Pada majlis itu, seramai 577 petani menerima zakat, termasuk pembahagian hasil padi bagi mu-

sim tahun lalu membabitkan pendapatan keseluruhan di Ladang Merdeka Mulong berjumlah RM205,000.

Yang turut hadir, Timbalan Pengerusi Besar Pembangunan KADA, Nik Roslan Idris dan Timbalan Pengerusi Besar Operasi, Mat Naji Abdullah.

Pembenhian awan

Sementara itu, Husam berkata, pembenhian awan dijalankan lima hari pada minggu lalu tidak menghasilkan kesan tinggi berikutan cuaca terlalu kering.

“Pada Khamis dan Jumaat lalu, hujan di beberapa tempat, termasuk Machang, tidak dapat menyelesaikan masalah pesawah,” katanya.

Headline	Bekal 15 pam hadapi kemarau		
MediaTitle	Harian Metro (Timur)		
Date	16 Apr 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	7,330
Page No	35	Readership	21,990
Language	Malay	ArticleSize	130 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,831
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,493



HUSAM (tengah) menyampaikan hasil dan zakat kepada pesawah pada Majlis Penyampaian Hasil dan Zakat Projek Ladang Merdeka Mulong, semalam.

Kota Bharu

Bekal 15 pam hadapi kemarau

Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) membekalkan pam berkuasa tinggi bernilai RM12 juta untuk membantu pesawah yang berdepan musim kemarau sehingga tanaman padi musnah.

Pengerusinya, Datuk Husam Musa berkata, 15 pam diperlukan termasuk di Kemubu di sini, untuk menyalurkan air kepada pesawah di Kota Bharu Selatan, Kota Bharu Utara, Pasir Puteh dan Bachok.

Katanya, pihaknya mengemukakan cadangan itu kepada Kementerian Per-

tanian Industri Asas Tani (MOA) untuk kelulusan dan peruntukan segera.

“Jika diluluskan nanti, kita jangka pam ini dapat digunakan untuk tempoh antara enam hingga lapan bulan.

“Kami sasarkan kaedah ini dapat digunakan pada musim tanaman kedua, tahun ini dan ia penyelesaian paling segera membantu pesawah,” katanya pada Majlis Pembahagian Hasil dan Zakat Ladang Merdeka Mulong Musim 1/2018 di sini semalam.

Headline	Agriculture minister plans to build more market for fishermen		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	16 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	9	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	86 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,606
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,818



農長：遏止中間人牟利 擬建更多漁民巴剎

（关丹15日讯）农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁说，为了缩短渔获销售链及增加就业机会，同时也让人民以更实惠的价格买到新鲜渔获，政府计划兴建更多渔民巴剎（Pasar Nelayan）及提升现有的渔民巴剎。

他说，目前全国共拥有124间渔民巴剎，同时也有60座渔业码头，供渔民直接把渔获出售予消费者，消除中间人牟利机会，尤其是外劳。

他说，根据他今天到访关丹巴洛渔民巴剎及关丹渔业局码头所见，渔民直接把渔获出售予消费者，以A级甘望鱼为例，渔民可获每公斤14令吉。

“在这之前，渔民投诉他们平均以4至5令吉出售辛苦所捕获的甘望鱼，但是大城市所卖的甘望鱼每公斤价格却高达22令吉！”

他是于今日在关丹进行一天访问后，在巴洛渔民巴剎与渔民进行超过2小时对话会后，在新闻发布会上如是表示。

另一方面，他说，政府正在进行深海C2渔船执照漂白工作，至今已取消了400张涉及滥用的执照。

Headline	Plans to increase fish markets		
MediaTitle	China Press (East Coast)		
Date	16 Apr 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	10,592
Page No	C3	Readership	31,776
Language	Chinese	ArticleSize	261 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,575
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,725



■沙拉胡丁阿育（右4）在关丹巴洛渔民巴刹担起临时鱼贩。

沙拉胡丁：防中間人牟利 計劃增設漁民巴刹

（关丹15日讯）农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁阿育说，该部计划广泛推行增设渔民巴刹，以消除中间人牟利机会。

他今午在关丹巴洛渔民巴刹，出席主持与沿海渔民对话会后，于记者会上说，传统渔民长期必须通过中间盘商代销鱼获，所得利润极低，因此，政府为助渔民改善生活环境和收入，增设渔民巴刹是其中一个可行性方案。

“这不但能让渔民开发新的销售链，以市价出售新鲜鱼获，如A级甘望鱼，每

公斤可卖14令吉，比中间盘商每公斤4、5令吉收购价更高，其家人也能通过经营鱼档，增加家庭收入。”

他说，全国目前有60个渔民码头及124所渔民巴刹，但彭州仅有6所渔民巴刹，数量太少。

沙拉胡丁也透露，该部截至今日，已取消400个C2型号拖网渔船执照，主要是有关船只被证实有违规举动。

“目前渔业局仍在进行渔船登记漂白，以鉴定合格船只。”

“至于沿海的A区渔民被发现擅自更改作业船只型号，面对更新执照问题，我将指示官员以个案伸缩性处理，包括可通融但不可滥权。”

Kota Bharu**Taman pertanian berkonsepkan pelancongan agro bakal jadi tarikan**

Taman pertanian berkonsepkan pelancongan agro seluas 160 hektar akan dibangunkan di Gong Manok, Pasir Puteh, sekali gus dijadikan tarikan kepada pelancong dalam dan luar negara.

Ketika ini fasa pertama pembangunannya giat dilakukan membolehkan pengambilalihan tanah seluas 80 hektar sebelum proses dilanjutkan sehingga pembukaannya dijangka tahun hadapan.

Yang Dipertua Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPM) Kelantan, Mohd Ali Amin Ab Latif berkata, lokasi berkenaan akan ditanam nenas, kenaf, padi dan jagung sebagai tanaman utama.

Katanya, ternakan utama yang akan menjadi tarikan pelancong dalam taman pertanian adalah lembu tenusu dan pihaknya menjangkakan seramai 40 usahawan yang terlibat bagi menjayakan taman itu.

"Kita bekerjasama dengan pelbagai agensi

**MOHD Ali Amin**

serta kerajaan negeri yang masing-masing memainkan peranan untuk membangunkan taman pertanian ini kerana yakin ia mampu menjadi satu tarikan baru dan hebat kepada pelancong dalam dan luar negara.

"Kos keseluruhan untuk pembukaan taman berkenaan dijangka RM10 juta," katanya ditemui selepas majlis pelepasan Misi Dagang Jelajah Dewan Road to Aran di Dataran Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB), di sini semalam.

**PPAP menghasilkan lebih 1.92 juta benih ikan pelbagai spesies.****Kuantan****PPABT berjaya hasilkan lebih 2.5 juta benih ikan air tawar**

Pusat Pengembangan Akuakultur Bukit Tinggi (PPABT), di sini berjaya menghasilkan lebih 2.5 juta benih ikan air tawar membolehkan tujuh spesies sepanjang tahun lalu.

Pengarah Jabatan Perikanan Pahang Datuk Azahari عثمان berkata, benih terbanyak dihasilkan ialah ikan talapia merah sebanyak 1 juta diikuti keli (500,000), lampam sungai (450,000) dan lampam Jawa (350,000).

Katanya, menganggap pencapaian sangat membanggakan dan menjadi penyumbang utama benih ikan air tawar

di negeri ini selepas Pusat Pengembangan Akuakultur Perlok (PPAP), Jerantut yang menghasilkan lebih 1.92 juta benih ikan pelbagai spesies.

"Manakala dalam tempoh tiga bulan ini, sudah 610,900 benih ikan dihasilkan untuk tujuan pelepasan ke perairan umum di Pahang ini termasuk beberapa negeri lain.

"Pahang kini menjadi pengeluar utama benih ikan air tawar di Malaysia diikuti Selangor, Kuala Lumpur/Putrajaya dan Kelantan," katanya di sini semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2019	SINAR HARIAN	HULU SELANGOR	34

Lembu dihantar ke pusat tahanan

KUALA KUBU BHARU

Jabatan Penguatkuasa Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) menjalankan operasi bersepadu menangkap lembu berke-liaran di sekitar Pusat Perindustrian Zuhrah, semalam.

Operasi yang bermula jam 10 malam itu diketuai Penolong Pegawai Penguat kuasa Kanan MDHS, Khairul Nizam Mohamed Hanafi bersama 20 anggota penguat kuasa MDHS dan Jabatan Veterinar.

Khairul Nizam berkata, tiga lembu ditangkap dalam operasi hampir enam

jam itu dan ternakan tersebut dihantar ke pusat pembiakan lembu di Kampung Buloh Telor, Ampang Pecah sebagai pusat tahanan.

Menurutnya, operasi dijalankan selepas menerima aduan pengguna jalan raya dan pihak industri di kawasan berkenaan.

"Tindakan tangkapan dilaksanakan di bawah peruntukan undang-undang seksyen 4(1)(a) enakmen mengawal lembu kerbau Negeri Selangor 1971.

"Enakmen ini bersabit kesalahan membiarkan ternakan berada di dalam kawasan yang diwartakan

sebagai kawasan larangan untuk ternakan.

"Tempoh tujuh hari diberikan kepada pemilik untuk menuntut semula lembu yang ditangkap dan perlu menjelaskan kompaun, caj pengalihan serta tahanan yang ditetapkan," katanya.

Khairul Nizam berkata, jika tiada pihak melakukan tuntutan, kesemua haiwan ternakan itu akan dilelong melalui lelongan awam.

"MDHS akan mengam- bil tindakan tegas ke atas pemilik ternakan jika kejadian sama berulang," katanya.

Skim Bio bantu usahawan kosmetik

Oleh
SALMAH MAT HUSAIN
Foto RIZAL TAHIR

KOTA BHARU: Setelah hampir 10 tahun terbabit bidang kosmeseutikal kerajaan negeri memulakan Skim Bio Usahawan Alfalah bagi menggalakkan pembangunan produk kesihatan dan kosmetik.

Usaha itu dilaksanakan melalui BioTajmeel Cosmeceutical Sdn Bhd iaitu anak syarikat milik Kelantan Biotech Corporation Sdn Bhd.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar, Ustaz Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, pembangunan industri tersebut juga bagi mengatasi lambakan produk dari negara jiran yang tidak mengikut piawaian.

"Pelbagai laporan diterima kesan dihadapi pengguna apabila mengguna pakai produk tanpa ujian makmal dan tidak memenuhi piawaian kesihatan," katanya pada perasmian Karnival BioKelantan 2019 di



Menteri Besar tertarik melihat produk bioteknologi.

RTC Tunjung baru-baru ini.

Perasmian disempurnakan Menteri Besar Ustaz Dato' Ahmad Yakob.

Kata beliau fasa pertama pelaksanaannya kerajaan negeri memfokuskan pembangunan sektor biokosmeutikal.

Menurutnya juga melalui kepakaran saintis tempatan

kerajaan negeri berharap skim itu mampu membantu usahawan mengeluarkan produk yang sihat dan selamat.

Kata beliau juga pembangunan industri itu mendapat kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia dan Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan.

Sempena karnival tersebut diadakan seminar bioekonomi, bengkel kluster bio-agri, bio-industri, bio-kesihatan dan pemasaran.

Selain itu sebanyak 19 siri biotalk, konvensyen kelulut Kelantan, klinik usahawan bio dan karnival sepakam penalti.